

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Bab 5 akan membicarakan keputusan kajian, implikasi kajian dan cadangan serta saranan kajian untuk masa depan. Bahagian permulaan ini akan membicarakan keputusan kajian, merumuskan dapatan kajian dan membuat perbandingan dapatan kajian dengan kajian-kajian yang lalu. Bahagian seterusnya membicarakan implikasi dapatan kajian terhadap tatacara penyelidikan dan kepentingan pendidikan kewarganegaraan di sekolah menengah. Akhirnya, akan dikemukakan beberapa cadangan penyelidikan untuk kajian selanjutnya.

#### **5.2 Perbincangan Dapatan Kajian**

##### **5.2.1 Kebolehan Pelajar Untuk Mengenalpasti Nilai-nilai Kewarganegaraan**

Analisa terhadap data deskriptif jelas menunjukkan peratusan yang tinggi tentang kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan. Data mengenai respon pelajar tentang 15 nilai kewarganegaraan yang telah dikemukakan dalam soal selidik menunjukkan peratus pelajar yang telah menanda 'Sangat setuju' adalah 52.7% diikuti dengan 'Setuju' sebanyak 38.7 %. Jumlah

kedua-duanya adalah sebanyak 91.4 % membuktikan kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan yang baik.

Dapatan ini selaras dengan saranan yang dikemukakan oleh Arthur dan Davison (2000), iaitu pendidikan kewarganegaraan bercorak *communitarian* yang mengutamakan pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan. Nilai-nilai yang ditekankan itu antaranya ialah nilai perpaduan, bersatu hati, demokrasi, bersedia untuk menyumbangkan tenaga, bekerjasama dan nilai menyayangi komuniti. Dapatan kajian ini menunjukkan tiga nilai kewarganegaraan yang paling tinggi peratusannya ialah nilai cintakan bangsa dan negara, nilai menghargai dan mempertahankan tradisi budaya dan bangsa dan nilai muhibbah.

#### **5.2.2 Kesedaran Pelajar Tentang Kehadiran Nilai-nilai Kewarganegaraan Dalam Lima Mata Pelajaran Teras Di Sekolah**

Dapatan kajian menunjukkan kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras adalah baik. Peratusan yang tinggi tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam tiga mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu (98.0 %), Sejarah (93.3 %) dan Pendidikan Islam (93.3 %) membuktikan kesedaran ini. Walau bagaimanapun, dua mata pelajaran lain tidak diabaikan dengan peratusan untuk mata pelajaran Bahasa

Inggris (58.7 %) dan Matematik (30.7 %). Ini menjelaskan sifat pendidikan kewarganegaraan yang bercorak merentas kurikulum.

Walau bagaimanapun terdapat pendapat sarjana dan kajian lepas tentang ketidak berkesan sifat pendidikan kewarganegaraan yang bercorak merentas kurikulum. Antara kajian yang dimaksudkan ialah Fogelman (1991), Lynch (1992), Saunders et al (1995) dan Kerr (1996). Kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah membuktikan pelajar dapat mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan.

Namun demikian, kita tidak boleh membuat andaian tentang keberkesanan pendidikan kewarganegaraan merentas kurikulum dengan dapatan kajian ini. Ini kerana tema-tema pendidikan yang bersifat merentas kurikulum sukar diukur adakalanya bercanggah dengan matlamat asal kurikulum (Collado dan Atxurra, 2000). Walaupun pendidikan kewarganegaraan bercorak merentas kurikulum, ada kajian yang menunjukkan mata pelajaran Sejarah dan Geografi merupakan mata pelajaran utama yang menekankan nilai-nilai kewarganegaraan (Academie de Nancy-Metz, 2003). Pelbagai cadangan pengajaran dan metod penyampaian yang bercorak merentas kurikulum telah disarankan oleh pelbagai sarjana yang mengakui kaitan antara pendidikan kewarganegaraan dan mata pelajaran lain dalam kurikulum (Edwards & Fogelman 1993, Morrison 1994).

### **5.2.3 Persepsi Pelajar Tentang Keperluan Mata Pelajaran Berasingan Untuk Mengenali dan Memahami Nilai-nilai Kewarganegaraan**

Dapatan kajian menunjukkan jumlah responden yang bersetuju ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan adalah melebihi jumlah pelajar yang menyatakan tidak perlu. Ini jelas daripada dapatan kajian yang menunjukkan seramai 116 orang (77.3 %) bersetuju perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Terdapat hasil kajian lepas yang mendapati pendidikan kewarganegaraan merentas kurikulum tidak berkesan (Whitty *et al* 1996). Kesimpulan ini dibuat daripada respon pelajar yang tidak menyedari kehadiran unsur-unsur pendidikan kewarganegaraan dalam kurikulum.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati alasan utama yang menjadi pilihan pelajar sebagai keperluan adanya mata pelajaran yang berasingan ialah 'ia dapat memupuk perasaan cintakan negara' yang dipilih oleh seramai 113 orang (97.4 %) dan 'pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan penting' yang juga dipilih oleh seramai 113 orang (97.4 %). Sebaliknya, 'alasan tidak dibincangkan oleh guru dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah' dipilih oleh seramai 47 orang (40.5 %).

Bagi pelajar yang tidak bersetuju perlu ada mata pelajaran yang berasingan, alasan yang dipilih oleh paling ramai pelajar ialah 'guru sudah

membincangkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah' iaitu seramai 31 orang (91.2 %).

Oleh itu, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar menyedari tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan, tetapi berpendapat pendidikan kewarganegaraan penting dan perlu diajar sebagai satu mata pelajaran yang berasingan. Hasrat ini akan menghadapi pelbagai rintangan kerana melibatkan perancangan kurikulum bagi peruntukan waktu untuk pendidikan kewarganegaraan. Selain itu, ia juga dianggap sebagai membebankan kurikulum yang sudah tersedia padat dengan pelbagai sukatan pelajaran bagi mata pelajaran yang lain (Edwards & Fogelman 2000).

#### **5.2.4 Persepsi Pelajar Tentang Versi Mata Pelajaran Yang Sesuai Diajar Di Sekolah**

Pelajar didapati memberikan respon yang positif terhadap aspek kesesuaian versi-versi pendidikan kewarganegaraan yang boleh diajar di sekolah bagi kedua-dua versi yang menjadi tumpuan kajian ini. Bagi melihat kesesuaian versi-versi ini, pelajar diberikan sejumlah 11 topik pendidikan kewarganegaraan yang tergolong dalam kedua-dua versi minimal dan maximal pendidikan kewarganegaraan. Peratusan yang tinggi terhadap persetujuan pelajar tentang kesesuaian kedua-dua versi ini ialah 79.9 % ('Sangat Setuju' – 35.5% dan

‘Setuju’ – 44.4 %) bagi versi pendidikan kewarganegaraan minimal dan 71.8 % (‘Sangat Setuju’ – 35.5% dan ‘Setuju’ – 44.4 %) bagi versi pendidikan kewarganegaraan maximal. Peratusan ini membuktikan persepsi pelajar tentang kesesuaian kedua-dua versi pendidikan kewarganegaraan diajar di sekolah.

Bagi versi pendidikan kewarganegaraan minimal, topik-topik yang telah dikemukakan kepada pelajar adalah Bahagian D: Item 1 hingga 8 dalam soal selidik. Dapatan kajian ini selaras dengan pendapat Nazaruddin, Maarof, Asnarul Khadi dan Ismail (2003) yang berpendapat pendidikan kewarganegaraan harus melibatkan pengetahuan tentang sejarah negara, sistem kerajaan, prinsip asas perlembagaan, prosedur kerajaan dan hal-hal perundangan negara. Selain itu dapatan kajian juga menyokong pendapat Rowe (2000) yang mengkategorikan pendidikan kewarganegaraan minimal sebagai model kognitif iaitu Model Pengetahuan Kenegaraan.

Bagi versi pendidikan kewarganegaraan maximal, topik-topik yang telah dikemukakan kepada pelajar adalah Bahagian D: Item 9 hingga 11 dalam soal selidik. Dapatan kajian ini selaras dengan pendapat Ross (2000) yang menyatakan pendidikan kewarganegaraan bertujuan melatih pelajar mempersoal, menguji dan memahami realiti sosial. Selain itu, dapatan kajian juga menyokong pendapat Rowe (2000) yang mengkategorikan pendidikan kewarganegaraan maximal sebagai model afektif yang bertujuan mendidik perasaan dan pemikiran pelajar. Pendidikan kewarganegaraan maximal juga memerlukan pelajar mempraktikkan

kemahiran kewarganegaraan yang telah dipelajari secara amali. Bentley (1998), berpendapat pelaksanaan peranan individu sebagai warganegara adalah difahamkan sebagai perkaitan antara sesuatu yang spesifik dengan yang umum (*connection between the particular and the universal*). Ini selaras dengan dapatan kajian yang menyatakan pelajar lebih mudah menyesuaikan diri jika diberi peluang untuk memainkan peranan sebagai warganegara aktif dalam komuniti masing-masing (Collado dan Axturra 2000, Merrifield 1997, Ross 2000, Arthur 1998, Haste 1996). Persetujuan terhadap kesesuaian item 9 – 11 membuktikan pelajar bersetuju dengan aktiviti pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah seperti yang dicadangkan oleh Rowe (2000) di bawah Model Komuniti yang tergolong dalam kategori model pengalaman dan Collado dan Axturra (2000). Antara aktiviti yang dicadangkan ialah perjumpaan dengan pegawai-pegawai pembuat dasar, perbincangan berkumpulan dan penulisan surat kepada pegawai penguatkuasa tentang isu-isu sosial

### **5.3 Implikasi Kajian**

Dapatan kajian melalui analisis secara deskriptif di kalangan 150 pelajar sekolah menengah telah menonjolkan beberapa implikasi:

- i. Hasil kajian membuktikan pada umumnya pelajar dapat mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan jika diberikan secara kenyataan atau secara tersurat. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya bermakna pelajar dapat

- menafsirkan atau mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan jika ianya tersurat di dalam teks.
- ii. Persepsi pelajar tentang mata pelajaran yang lebih banyak mengandungi nilai-nilai kewarganegaraan ialah mata pelajaran Bahasa Melayu dibandingkan dengan Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan nilai-nilai kewarganegaraan ini mudah dikenali apabila ianya dikemukakan kepada pelajar dalam bahasa yang lebih mudah difahami dan kerap digunakan kerana Bahasa Melayu adalah bahasa penghantar.
  - iii. Selain daripada mata pelajaran Bahasa Melayu, pelajar juga berpersepsi mata pelajaran Sejarah dan Pendidikan Islam juga mempunyai nilai-nilai kewarganegaraan. Ini adalah kerana kedua-dua mata pelajaran ini mempunyai topik-topik yang terdapat dalam pendidikan kewarganegaraan.
  - iv. Hasil kajian ini juga mendapati secara keseluruhannya lebih ramai pelajar berpersepsi perlu diadakan satu mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Ini kerana alasan yang menjadi pilihan paling ramai responden ialah pengetahuan tentang nilai-nilai kewarganegaraan adalah penting dan pendidikan kewarganegaraan dapat memupuk perasaan cintakan negara.
  - v. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat sebilangan pelajar yang berpersepsi bahawa tidak perlu ada mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan. Alasan utama yang menjadi pilihan pelajar ini ialah guru sudah membincangkan nilai-nilai kewarganegaraan dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah.



- vi. Hasil kajian membuktikan bahawa selain daripada versi pendidikan kewarganegaraan minimal yang sudah sedia diajar di sekolah, pelajar juga berpersepsi versi maximal pendidikan kewarganegaraan juga sesuai diajar di sekolah.

#### **5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan**

Kajian ini berfokus kepada kebolehan pelajar untuk mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan, kesedaran pelajar tentang kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam lima mata pelajaran teras, keperluan mata pelajaran yang berasingan untuk mengenali dan memahami nilai-nilai kewarganegaraan dan persepsi pelajar tentang versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah. Oleh yang demikian kajian masa depan harus dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tentang pendidikan kewarganegaraan yang diterapkan di sekolah secara merentas kurikulum. Antara cadangan kajian masa depan adalah seperti berikut:

- i. Kajian lebih lanjut dapat dijalankan ke atas pelajar sekolah menengah dari semua tahap iaitu menengah bawah dan menengah atas.
- ii. Kajian yang melibatkan teks yang mengandungi nilai-nilai kewarganegaraan secara tersirat perlu diberikan kepada pelajar untuk menguji kebolehan mereka dalam mengenalpasti nilai-nilai kewarganegaraan yang tersirat.
- iii. Kajian boleh dibuat melibatkan selain daripada lima mata pelajaran teras. Dicadangkan kajian lanjut dijalankan melibatkan lebih banyak mata pelajaran

yang diajar di sekolah untuk melihat penerapan nilai-nilai kewarganegaraan yang bersifat merentas kurikulum.

- iv. Kajian lanjut boleh dibuat untuk melihat persepsi guru tentang kepentingan memberi penekanan terhadap pengajaran nilai-nilai kewarganegaraan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- v. Sampel yang lebih besar boleh dipilih sebagai responden dari beberapa buah negeri di Malaysia untuk mendapat gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh tentang kepentingan pendidikan kewarganegaraan dari persepsi pelajar.
- vi. Kajian lanjut secara perbandingan boleh dibuat tentang kepentingan pendidikan kewarganegaraan dari persepsi pelajar bandar dan luar bandar.
- vii. Perbandingan tentang kesesuaian versi pendidikan kewarganegaraan iaitu sama ada minimal atau maximal untuk diajar di sekolah boleh dibuat antara pelajar bandar dan luar bandar.
- viii. Kajian lanjut juga perlu dijalankan untuk melihat metodologi yang sesuai diguna pakai bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran versi maximal pendidikan kewarganegaraan di sekolah.

## **5.5 Rumusan**

Bab Lima telah membincangkan keputusan kajian, implikasi kajian dan cadangan untuk kajian selanjutnya. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai kebolehan

yang baik untuk mengenali nilai-nilai kewarganegaraan. Pelajar juga menyadari kehadiran nilai-nilai kewarganegaraan dalam pelbagai mata pelajaran yang diajar di sekolah iaitu lima mata pelajaran teras yang terlibat dalam kajian ini. Selain itu, pelajar berpendapat pendidikan kewarganegaraan perlu diajar sebagai mata pelajaran yang berasingan. Dari aspek versi pendidikan kewarganegaraan yang sesuai untuk diajar di sekolah, pelajar berpendapat kedua-dua versi minimal dan maximal adalah sesuai. Secara keseluruhannya, pelajar mempunyai persepsi bahawa pendidikan kewarganegaraan adalah penting dalam kurikulum sekolah.